



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 41 RABU 10HB. OKTOBER, 1973.

1393 رابو 13 رمضان PERCHUMA

PELANCHONGAN PENTING BAGI NEGERI BRUNEI

BERAKAS. — Timbalan Pengawal Imigresen, Awang Yaakob bin Ahmad telah pulang katanah ayer hari Jumaat lalu sa-telah mewakili Brunei ka-sidang pertama Jawatankuasa ECAFE bagi Asia dan Timor Jauh yang berlangsung sa-lama sa-minggu di-Bangkok.

Dua tajok utama telah di-binchangkan dalam sidang itu ia-itu mengenai perkembangan pelanchongan di-wilayah ECAFE dan kemudahan lalu lintas antara bangsa.

Beberapa keputusan telah di-ambil mengenai perhubungan pelanchongan ia-itu menggesa negara2 yang ingin memajukan pelanchongan supaya ia-nya di-jadikan sa-bagai satu industri.

Untuk tujuan ini ia-nya juga terlebih dahulu hendak-lah menyediakan satu 'Master-plan' bagi usaha2 di-bidang kemajuan pelanchongan dan sa-terus-nya di-sesuaikan atau di-masokkan ka-dalam rancangan Kemajuan Negara dengan satu peruntukan yang berpatutan.

Perkembangan pelanchongan hendak-lah mengikut peringkat wilayah atau antara bangsa bagi faedah memperkenalkan kedudukan pelanchongan di-negara2 berkenaan.

Dengan itu kemudahan2 tempat tinggal, hotel, tempat hiburan dan pernginan atau tempat2 menarik perhatian pelanchong juga mesti di-usahakan.

Mengenai kemudahan lalu-lintas antara bangsa, Brunei belum-lah sampai kepada kedudukan yang merunding sa-perti yang di-alami oleh negara2 di-Eropah dan Amerika.

Bagaimana pun beberapa keputusan telah di-chapai ia-itu dengan mengkaji dan memberikan kemudahan semua jenis lalu-lintas yang bertaraf antara bangsa termasuk penganalisaan dokumen bagi faedah pengangkutan dan taraf kemajuan perjalanan.

Ini di-ikuti dengan membuat sukongan chara pelaksanaannya terhadap penyiasatan kedudukan kemudahan lalu lintas antara bangsa yang ada sekarang.

TIGA ORANG WAKIL KA-PERTANDINGAN MEMBACHA QUARAN A'BANGSA DI-KL.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menghantar dua orang qari dan sa-orang qari'ah ka-Pertandingan Membacha Quran Peringkat Antara Bangsa yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur yang akan bermula pada 15hb. Oktober ini.

Mereka ia-lah Awang Haji Mashud bin Awang Damit, Awang Tahir bin Mohammad Jaafar dan Hajjah Dayang Damit binte Mohammad Yusof.

Awang Haji Mashud dan Hajjah Dayang Damit ada-lah johan qari dan qari'ah peringkat negeri yang telah di-

adakan baru2 ini ~~manakala~~ Awang Mohd. Jaafar menyandang naib-johan qari.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Metassan akan mengetuai rombongan tersebut.

Lain2 pegawai yang turut serta ia-lah Pengiran Dato Haji Agus bin Pengiran Aliuddin, Awang Zaitaidi bin Abu Bakar dan Dayang Masni bte. Haji Abdul Manaf.

Mereka akan berangkat ka-Kuala Lumpur pada 14hb. Oktober.



Awang Yaakob bin Ahmad.

Sidang itu di-hadiri oleh 19 buah negeri termasuk Amerika Sharikat, United Kingdom, India, Bengala Desh, Pakistan, Thai, Filipina dan Brunei.

Ia-nya juga di-hadiri oleh wakil2 dari Pertubuhan Buruh Antara Bangsa, Pertubuhan Makanan dan Pertanian dan Pertubuhan Persidangan Bangsa2 Bersatu bagi Kemajuan dan Perdagangan.

"Fajar Islam Di-Rumah Panjang" dalam Sambutan Nuzul Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pementasan sa-buah drama yang mengesahkan kehidupan di-rumah panjang sa-belum dan sa-sudah menerima chahaya kebenaran Ugama Islam ada-lah salah satu achara yang akan di-persembahkan dalam Sambutan Nuzul Al-Quran yang akan di-adakan di-Dewan Raya di-sini pada hari Sabtu 13hb. Oktober, 1973 mulai jam 8.30 malam.

Drama yang bertajok 'Fajar Islam Di-Rumah Panjang' itu ada-lah kemuncak dari achara yang akan di-persembahkan pada malam itu.

Drama sa-babak itu juga menggambarkan sa-bahagian dari usaha2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama untuk menyebarkan shi'er Ugama Islam keseluruh negara khusus-nya di-kawasan2 pendalaman.

Ahli2 Seksi Kesenian dan Kebudayaan Majlis Belia2 Ne-

geri Brunei akan menajayakan drama tersebut.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin akan merasmikan sambutan itu.

Lain2 achara yang akan di-persembahkan pada malam itu termasuk-lah persembahkan bacaan ayat2 suci Al-Quran, nashid dan kasidah.

Orang ramai ada-lah di-persilakan hadir untuk menyaksikan majlis tersebut.

Sokan Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Sokan Ametor Negeri Brunei telah memilih 14 orang ahli2 sokan bagi menajalani latehan untuk persediaan mengambill bahagian dalam Sokan Kebangsaan Asia yang akan di-adakan di-Manila dari 19hb. hingga 23hb. November bulan depan.

Mereka itu ia-lah Awangku Yusnus Pengiran Yusoff, Daulia Bungsu, Sibuan Igoll, Dama Mijang, Ho Mun Wai, Tsa Besar, Julia Mahmud, Samnah Nayan, Malai Nurlida, Rami Metassan, Zainal Abidin, Awangku Ibrahim, Cpl. Sallam dan Yaakub Muhammad.


Sa-orang juruhalak persatuan Sokan Ametor Negeri Brunei berkata hari ini mereka sedang giat berlatih hingga 12hb. November. Beliau berkata urusan2 terhubong dengan permegilan mereka ka-Manila sedang di-urusan.

Latehan tentera hari ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Latehan tentera bersama Polis dan Askar sedang di-jalankan di-sini pada hari ini. Latehan sa-lama dua hari itu bermula semalam.

Semasa latehan itu di-jalankan, peluru2 kosong dan bom asap akan di-gunakan dan beberapa sekatan jalan raya akan di-lakukan.

Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya jangan merasa bimbang apabila mendengar letupan dan melihat pergerakan2 askar dan polis semasa latehan itu.



SATU majlis menamat tadrus di-Rumah Semaun — tempat kediaman Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah berlangsung pada malam hari Khamis lepas (malam Jumaat). Majlis itu telah dihadiri oleh lebih dari 200 orang Umat Islam termasuk dari daerah2.

Dalam majlis menamat tadrus itu telah juga diadakan majlis2 berzanzi, berzikir dan Ratib Saman. Upacara Ratib Saman ada-lah satu chara zikir yang memang terkenal di-Brunei pada masa2 yang silam. Tetapi sejak akhir2 ini ratib itu jarang2 di-adakan. Pada masa yang silam ia-nya sangat di-gemari terutama-nya ketika mengadakan majlis2 kahwin, berkhitan dan lain2 keramaian yang di-adakan khas-nya oleh kalangan orang2 yang berada. Menurut cerita bahawa kampung2 yang selalu mengadakan ratib saman itu ia-lah seperti Kampung2 Sungai Kedayan, Burong Pingai, Lurong Sikuna dan Kampung Saba.

Tiga keping gambar yang di-siarkan ini menunjukkan (gambar No. 1) ketika pada hadhirin membaca ayat2 kitab suci Al-Quran; Gambar No. 2 menunjukkan ketika majlis berzikir di-adakan; dan, gambar No. 3 memperlihatkan suasana ratib saman.

Sementara itu, pada malam hari Sabtu lalu (malam Ahad), rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar yang mengandungi kira2 100 orang terdiri dari pegawai2 dan kakitangan Kerajaan telah berkunjung ka-Surau Istana Darul Hana untuk mengambil bahagian dalam majlis bertadrus disana. Rombongan itu di-ketuai oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz.

Pada malam itu juga, majlis bertadrus di-Surau Istana Darul Hana di-tamatkan bagi pusingan yang pertama. Majlis itu sekarang sedang di-sambung bagi pusingan yang kedua. Ada-lah di-fahamkan bahawa majlis bertadrus di-Surau itu akan berjalan sa-hingga tiga kali menamat.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

Pepereksaan kerani Rendah 15hb. Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pepereksaan kerani rendah bagi kerani2 tingkatan 'A' dan 'B' dalam perkhidmatan kerani2 am kerajaan akan di-adakan pada 15hb. Disember.

Chalun2 yang hendak memasuki pepereksaan itu adalah di-kehendaki menghantar nama2 mereka kepada Pegawai Perjawatan melalui Ketua Pejabat masing2 dengan seberapa segera dan tidak lewat pada 3hb. Nobember.

Chalun2 yang akan memasuki pepereksaan itu hendak-lah menyatakan dengan terang mengenai lantikan, kelayakan pelajaran, umur dan gaji mereka sekarang.

Chalun2 yang akan mengambil satu perkara ada-lah di-kehendaki menyatakan perkara yang akan diambil-nya.

Derma untuk anak2 yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa bantuan derma anak2 yatim akan menyampaikan derma Hari Raya kepada anak2 yatim di-Daerah Brunei/Muara yang berumur 14 tahun ka-bawah.

Jawatankuasa bantuan derma anak2 yatim itu di-Pengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj.

Setia Usaha Jawatankuasa itu, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Besar menyeru kepada anak2 yatim di-Daerah itu supaya mendapatkan derma mereka dari Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Damit di-Pejabat Penchen Bandar Seri Begawan.

Penghulu2, Ketua2 Kam-

pong atau Persatuan2 Belia di-Daerah Brunei/Muara adalah di-ingatkan supaya membuat sukongan mereka kepada anak2 yatim di-kawasan masing2 untuk membolehkan mereka mendapatkan derma itu.

(Lihat muka 8)

1,000 masok pereksa kelas dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. Hampir 1,000 orang telah mendaftarkan nama untuk memasuki pepereksaan kelas dewasa dalam peringkat permulaan, memengah dan tertinggi anjoran Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Pepereksaan bacaan dan renchana jawi akan di-adakan

Sharikat baru di-tubuhkan

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Berhad pada hari Isnin 24hb. September telah menandatangani satu perjanjian dengan Ocean Inchcape Berhad London untuk menubuhkan sa-buah Sharikat Brunei untuk menjalankan tugas2 sa-buah pangkalan pembekalan dipelabohan ayer dalam di-Muara.

Sharikat itu akan menggandalkan kerja2 membungkus, memuatkan kimia2 dan keperluan2 semen untuk ranchangan penggalian Shell.

Sa-buah kenyataan yang dikeluarkan oleh Sharikat Minyak Shell menyatakan bahawa pangkalan itu akan di-bina di-sebuah kawasan kira2 satu batu dari pelabohan Muara di-tapak bekas kawasan pembinaan kapal Takehara.

Sharikat itu di-jangka akan bertugas pada 1hb. Julai tahun depan dan perjanjian itu akan berjalan sa-lama lima tahun.

Kenyataan itu berkata semua keperluan2 alat kelengkapan yang lain akan di-terus di-bawa melalui Kuala Belait seperti yang telah di-lakukan pada masa2 lalu.

Peraduan menulis drama, cherpen

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Badan Bahasa dan Perseruan Persatuan Penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-batu 1½ Jalan Tutong, akan menganjorkan peraduan menulis drama, cherpen dan sajak terbuka kepada pelajar2 di-sekolah2 menengah dan maktab2 di-daerah Brunei-Muara.

Sa-orang juruchakap badan itu berkata, borang2 dan sharat2 bagi menyertai peraduan itu telah di-edarkan kepada semua sekolah2 dan maktab2 di-daerah itu.

Mereka yang ingin menyertai peraduan itu hendak-lah menghantar karya2 mereka kepada Setia Usaha Badan itu Dayang Norfah binte Budin tidak lewat pada 21hb. Nobember.

pada 30hb. Nobember, bacaan dan renchana rumi pada 7hb. Disember, sementara pepereksaan bahasa dan kira2 pada 8hb. Disember.

Pepereksaan itu ia-lah untuk pelajar2 kelas dewasa pelajaran rendah yang belum memperolehi sijil kelulusan atau kenaikan peringkat pelajaran mereka.

Dua jenis bahan makanan yang di-dapati haram di-makan oleh orang2 Islam



KHUTBAH JUMA'AT

*Keluarga mualaf
di-ra'i dan
di-hadiahkan
chenderamata*

di-perbuat dari tepong itu telah berchampur dengan benda yang haram dan najis ia itu lemak atau minyak babi dan hukumnya haram dan najis dan haram di-makan oleh Umat Islam dengan ijma' Umat Islam sa-lain dari Quran dan hadith Rasulullah s.a.w."

nya ayam dan lembu itu menjadi halal, apabila kedua2nya di-semebelah menurut shara' dan tiada di-ketahui siapa menyemebelah dan chara menyemebelah, maka ayam dan lembu itu kekal ia haram, bagaimana yang telah terang dalam perkara shubaat di-atas ini wa'allah-wa'alam.

Umat Islam di-ingatkan supaya jangan tersalah beli bahan makanan dan minuman yang di-tegah oleh Ugama

Mengenai dengan keripit kentang itu pula antara lain telah di-fatwakan sa-bagai berikut:

"Keripit kentang ini ada berchampur dengan ayam dan daging lembu panggang, maka ayam dan lembu itu binatang halal, tetapi tiada di-ketahui siapa yang menyemebelah ayam dan lembu itu, kerana ayam dan lembu waktu hidup-nya haram di-ambil dan di-makan sa-suatu daripada-nya dan ha-

Oleh yang demikian umat Islam di-negeri ini ada-lah di-ingatkan supaya menjauhkan diri dari mendapatkan dan membeli atau memakan bahan2 makanan yang telah disebutkan tadi, kerana barang2 tersebut ada-lah di-haramkan memakan-nya oleh Ugama Islam sa-bagaimana fatwa yang telah di-keluarkan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan Brunei.

Majalah Tafsir siri ke-22

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-22 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat

antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (250) hingga (260) dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

700 chalun masok pereksa B-Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa telah mendaftarkan kira2 700 orang yang akan memasoki peperiksaan bahasa Inggeris bagi pelajar2 darjah dua, empat, enam, menengah satu dan dua, dalam bulan Disember akan datang.

Peperiksaan itu akan di-adakan pada 3hb., 4hb. dan 5hb. Disember, untuk orang2 dewasa yang belajar di-kelas2 dewasa seluruh negeri.

Pusat2 peperiksaan termasuk-lah Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin bagi chalun2 di-Bandar Seri Begawan; Maktab Anthony Abell Setia bagi chalun2 di-pekan Setia dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir bagi chalun2 di-Kuala Belait.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10hb. Oktober, hingga ka-hari Selasa 15hb. Oktober, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
10hb. Okt.	12-14	3-32	6-14	7-30	4-34	4-49	6-06
11hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-47	6-06
12hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
13hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
14hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
15hb. Okt.	12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
16hb. Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah menyampaikan satu hadiah chenderamata kepada satu keluarga China sa-ramai 10 orang yang memeluk ugama Islam dalam bulan Ogos yang lalu

Majlis meraikan keluarga2 yang memeluk ugama Islam itu telah di-adakan di-Mesjid Mohamed Jamalul Alam, Pekan Belait baru2 ini.

Ketua keluarga tersebut, sebelum itu di-kenali sa-bagai Awang Chua Son Teck berumur 58 tahun dari Jabatan Letrik Bandar Seri Begawan. Sa-telah memeluk ugama Islam beliau di-kenali sa-bagai Awang Ali Omar bin Abdullah. Beliau memeluk ugama Islam bersama isteri dan lapan orang anak-nya.

Kedzi Daerah Belait, Abang Haji Razali bin Abang Haji Zainuddin dalam ucapan-nya di-majlis itu telah menyampaikan tahniah kepada Awang Ali Omar dan keluarganya keperchayaan mereka terhadap kesuchian Ugama Islam.

PADA masa kita menjalani ibadat puasa ini selalu-nya pintu nafsu untuk makan dan minum terbuka sa-hingga terasa apa sahaja jenis makanan yang sekira2 dapat memenohkan kehendak nafsu itu semua-nya akan di-makan dengan sepuas2-nya bila berbuka puasa. Kerana itu sa-bahagian besar umat Islam di-bulan puasa ini berbelanja lebeh dari bulan2 lain khas-nya untuk keperluan membeli bahan2 makanan dan minuman.

Di-sini kita sukachita mengingatkan umat Islam supaya dalam kesibokkan membeli atau mendapatkan barang2 makan minum kita sa-hari2 hendak-lah kita beringat2 jangan sampai tersalah beli dan bersalah pileh sa-hingga terbeli atau terpileh bahan2 makanan atau minuman yang di-tegah memakan atau meminum-nya oleh Ugama.

Baru2 ini Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah mendapati ada dua jenis bahan makanan yang sedang di-jual di-Bandar Seri Begawan yang nampak-nya di-tegah orang Islam memakan-nya. Bahan2 makanan itu ia-lah mee kering yang berben-tok chomel dan di-bungkus dengan plastik, satu daripadanya di-berinama MYOJO TANMEN dan satu lagi di-berinama SHRIMP TANMEN — kedua2-nya di-buat oleh salah sa-buah kilang pembuatan makanan di-Singapura. Di-antara bahan2 mee kering itu terdapat apa yang di-sebut sa-bagai **Refined Lard** erti-nya lemak babi yang telah di-proses. Bahan makanan yang lagi satu ia-lah keripit di-perbuat dari ubi kentang yang di-jual menggunakan berat-nya 9 ounce, di-antara bahan-nya ia-lah sayor, minyak, kiju, bawang, ayam, to-mato kichap dan daging lembu, serta di-berinama GOLDEN WONDER CRISPS juga di-buat di-Singapura.

Kedua2 jenis bahan makanan ini telah di-hubungkan kepada Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan Brunei. Menurut fatwa yang di-keluarkan-nya bertarikh pada 24hb. Shaaban, 1393 bersamaan 22hb. September, 1973 mengenai dua jenis mee tersebut antara lain ia-lah sa-bagai berikut:

"Menurut tulisan di-atas plastik itu mee kering yang di-perbuat dari tepong gandum dan berchampur dengan lemak babi yang telah di-halus atau di-proses itu ada-lah sa-bagai perkhhabaran daripada mereka membuat dan memproses mee kering, sa-olah2 mereka berkata kita buat dan proses mee kering itu dari tepong gandum dan lemak babi dan garam dan lain2 champoran bagaimana yang tersebut di-atas plastik sampul mee kering itu. Oleh yang demikian mee yang

(10hb. Oktober, 1973)

JIMAT-CHERMAT

MESKIPUN di-sepanjang bulan puasa ini, kedai2 merupakan tempat tumpuan dan kunjungan orang ramai membeli-belah, membeli pakaian baru, sama ada untuk kanak2 atau untuk hiasan rumah tangga bagi menyambut tiba-nya Hari Raya, di-samping itu kita harus-lah juga beringat2 dan waspada dalam membelanjakan wang kerana dari titik peloh pendapatan dalam sa-hari, umpamanya, jangan-lah lesep dalam sa-sa'at saja.

Tekanan kebendaan dalam memenohi hidup yang serba moden yang di-pengaruhi oleh suasana keliling telah menyababkan sa-seorang di-angap mabok dan lantas mahu berkorban untuk mengeluarkan wang yang tidak terbatas sekali pun sanggup mengeluarkan wang simpanan bertahun2 dalam bank atau mengeluarkan wang dari sumber2 lain asalkan saja maksud tercapai.


Dalam hubungan ini kita tidak-lah bermaksud untuk chuba menudoh kepada sesiapa pun tetapi hanya-lah sa-kadar menjadi renongan bersama dan memperingati kepada mereka yang mengutamakan kebendaan daripada memikirkan banyak hal yang berkebalikan.

Perbelanjaan sa-chara sederhana dan ala kadar-nya ketika menyambut sa-tiap datang-nya Hari Raya harus-lah di-amalkan sa-bagai membiasakan diri kita orang2 Melayu dalam mengendalikan ekonomi sendiri supaya jangan sampai jadi mangsa kebusroan dan dengan jalan demikian mudah2an dapat melateh diri kita dan seterusnya mengajar jenerasi akan datang kepada keadaan yang berjimat-cheramat tahu menghargai benda2 sekalipun di-anggap rendah nilai-nya.

Seboleh2-nya kita harus berusaha bagi mengatasi inflasi dengan mengadakan keperluan sendiri supaya ekonomi kita tidak jauh susut ka-tangan orang lain. Sa-belum itu tidaklah dapat di-duga sudah berapa banya kesusutan itu mengelir ka-tempat lain terutama ketika tiba-nya bulan puasa dan Hari Raya yang merupakan saat2 hutang belakang kira tapi mesti masuk buku dulu.


Mudah2an di-hari baik dan bulan baik ini kita Umat Islam akan terus mengubah sikap lama kepada satu pendirian baru ia-itu berdiri di-atas tapak kaki sendiri kerana kata orang kuah tidak tumpah ka-mana melainkan ka-nasi juga.

Memang tidak dapat di-nafikan bahawa adat berniaga pada lazim-nya mahukan keuntongan tetapi harus-lah juga di-ingat jangan-lah suasana yang ada sekarang ini di-jadikan satu peluang ke-emasan atau satu kesempatan untuk menchari untong lebeh tanpa menaruh rasa kemanusiaan, persafahaman dan harmoni sa-bagai satu masharakat yang menikmati hidup bersama.




Gambar atas menunjukkan peringkat awal membores perahu. Papan yang di-bawah sekali itu di-namakan "Lunas".

Bahagian buritan perahu yang hampir siap. Papan yang di-belakang sekali itu di-namakan "foundation".




Bahagian charok sa-buah perahu yang hampir siap. Kelima2 kayu melintang itu di-namakan "sangkar".



Gambar menunjukkan sa-buah perahu yang sudah siap tetapi belum lengkap.

- (1) Sangkar (Kalau di-tutup dengan papan di-namakan "deck charok".
- (2) Tajok.
- (3) Giak (Kalau di-tutup dengan papan menjadi lantai).
- (4) Lunas.
- (5) Papan bores perahu.
- (6) Lobang tempat ayer keluar masuk.
- (7) Dinding angin. Kalau penutup sa-belah luar di-namakan "bingkai". Keseluruhan kedua belah tepi di-atas tajok ini bila di-tutup dengan papan di-namakan "penutup".



MEMBORES perahu adalah salah satu pekerjaan/ perusahaan yang telah lama di-jalankan oleh orang2 Brunei. Salah sa-orang pembores perahu yang aktif dewasa ini ia-lah Awang Haji Ismail bin Haji Md. Rais, dari Kampong Saba, Brunei. Awang Haji Ismail telah membores perahu sa-lama lebeh 20 tahun dan telah menghasilkan beratus2 buah perahu, hitong panjang 3 buah perahu sa-bulan.

Awang Haji Ismail belajar membores perahu dari ayah-nya sejak kecil lagi dan sekarang kerja2 ini di-kendalikan oleh beliau sendiri dan kadang2 dengan bantuan dari keluarga-nya dan beliau sendiri menjadi ketua.

Jenis2 perahu yang di-bores oleh Awang Haji Ismail termasuklah perahu yang di-gunakan oleh 'penambang' dan nelayan dan juga perahu2 yang menggunakan enjin dalam tetapi perahu jenis ini jarang se-

kali di-lakukan. Dulu-nya beliau juga membores perahu2 yang lebeh besar seperti tongkang mengangkut batu yang berukuran 13 hingga 15 kaki lebar dan 40 hingga 50 kaki panjang.

Berhubungan dengan ukoran perahu yang biasa di-bores oleh Awang Haji Ismail, ini bergantung-lah kepada kehendak orang2 yang menempah-nya. Umpama-nya, perahu nelayan, ukoran-nya sa-kurang2 30 kaki, perahu 'penambang' lebeh kurang 17 atau 20 kaki manakala Jabatan2 Kerajaan pula sekurang2-nya 25 kaki.

Sambutan orang ramai terhadap perusahaan ini juga menggalakkan. Jika di-bandingkan dengan lebeh kurang

Awang Haji Ismail sa-orang pembores perahu yang aktif dewasa ini

lima tahun dahulu, perusahaan beliau boleh di-katakan bertambah maju kerana bilangan orang2 yang menggunakan 'outboat' sa-makin bertambah sa-tiap tahun.

Dalam masa 4 atau 5 tahun yang belakangan ini tempahan kebanyakan-nya di-terima dari Jabatan2 Kerajaan dan pengusaha2 moto sabang. Pada tiap2 bulan sejak tahun 1963, beliau juga ada menerima tempahan2 dari Jabatan2 Kerajaan di-Limbang dan boleh di-katakan pada tiap2 tahun terdapat antara 6 atau 7 tempahan.

Bagi Awang Haji Ismail, membores sa-buah perahu tidak mengandungi masa yang begitu panjang dan masa yang ambil untuk meberangkap sa-buah perahu ada-lah bergantung kepada saiz perahu itu. Membores sa-buah perahu 'penambang' mengambil masa lebeh kurang 10 hari dan perahu nelayan pula lebeh kurang dua minggu.

Kalau ada orang ingin memesan sa-buah perahu, si-pemesan itu akan datang sendiri atau Awang Haji Ismail di-minta datang ka-tempat yang di-tentukan dan sa-kehendak, beliau akan menjanjihu itu lebeh di-siapkan dan bo'leh di-ambil untuk di-gunakan. Kalau ada juga pemesan2 itu untuk melihat sekali atau dua kali pesan.

Awang Haji Ismail menceritakan dengan ringkas chara2 membores perahu. Yang penting sekali ia-lah menyediakan bahan2 yang lengkap. Dalam hal ini bahan2 utama nyata-lah papan. Papan2 yang di-sediakan di-kehendaklah sekurang-nya dua atau tiga minggu sa-belum kerja2 membores di-jalankan. Peringkat pertama ia-lah membuat LUNAS sa-hingga siap berdiri. Sa-telah ini siap terus pula MENGGIAK dan kemudian MENAJOK. Sa-lepas itu baru-lah mengorban di-atas. Ia ini siap di-buat kerja MEMAJOK atau pun siap sekali dan di-akhirat mengikut warna yang sesuai.

Melalui pengalaman beliau membores perahu sa-lama 20 tahun, Awang Haji Ismail mengatakannya yang paling "lewat" ia-

lah mengator LUNAS kerana ini terpaksa di-sesuaikan dengan kehendak pemesan-nya, besar-nya dan panjang-nya. Ini ada-lah disebabkan keadaan atau bentuk papan yang kadang2 tidak lurus.

Harga bagi sa-buah perahu tidak di-tentukan kerana ini semua-nya bergantung kepada saiz perahu itu. Sa-buah perahu 'penambang' umpama-nya berharga lebeh kurang tiga ratus ringgit atau lebeh dan perahu nelayan harga-nya enam atau tujuh ratus ringgit kerana perahu seperti ini ada-lah panjang dan besar.

Seperti mana dengan perusahaan2 lain, membores perahu ini juga mempunyai beberapa masalah. Salah satu daripada-nya ia-lah perkakas atau alat untuk membores maseh belum moden lagi. Alat2 atau perkakas2 yang di-gunakan pada masa ini semua-nya ada-lah menggunakan tangan sahaja kerana belum lagi ada bekalan letrik. Walau pun penggunaan alat2 atau



Awang Haji Ismail bin Haji Mohammad Rais.

perkakas2 lama itu tidak menyulitkan akan tetapi jika ada bekalan letrik kerja2 boleh di-jalankan dengan lebeh mudah dan chepat dan perusahaan yang ada sekarang pun dapat di-perbesarkan.

Satu lagi masaalah yang di-hadapi ia-lah masaalah tenaga pekerja yang tidak mencukupi. Kalau sudah di-tetapkan bahawa perahu itu boleh di-siapkan dalam masa sa-bulan, beliau mesti-lah menepati janji itu. Di-sini-lah timbul-nya masaalah tenaga. Untuk ini pekerja tambahan perlu di-ambil bagi mempercepatkan lagi kerja2 menyiapkan perahu itu.

Soal mendapatkan papan tidak pula menjadi masaalah kerana membores perahu ini sudah menjadi satu pekerjaan kepada Awang Haji Ismail. Papan2 biasa-nya di-bekalkan oleh Sharikat Haji Ibrahim.

Sa-lain daripada membores perahu, Awang Haji Ismail juga kadang2 pergi ka-laut menangkap ikan atau berkilong. Tetapi kegiatan seperti ini jarang2 sekali di-lakukan kerana beliau lebeh menumpukan masa untuk membores perahu.

Satu perkara yang agak menarik perhatian dalam membores perahu ia-lah terdapat-nya pantang larang. Bagaimana pun me-

ngikut Awang Haji Ismail, pantang larang itu tidak begitu penting, sekadar ia-nya menjadi suatu keperchayaan kepada pembores2 perahu. Antara pantang larang itu ia-lah charuk perahu tidak boleh di-tiup dan GIAK tengah mesti-lah luas daripada biasa dan GIAK TENGAH itu mesti-lah 'lurus kahidup', maksud-nya, di-kira 'hidup, mati, hidup, mati, hidup'. Pantang ini biasa-nya di-khaskan untuk perahu2 yang di-gunakan untuk ke-laut.

Sa-lain daripada itu ada lagi satu pantang larang yang di-perchayai bukan sahaja untuk membores perahu tetapi juga membuat rumah. Kayu atau papan yang di-gunakan untuk membuat perahu atau rumah tidak boleh di-buboh 'kebangkulitan' kerana di-khuatiri perahu atau rumah itu akan pecah di-waktu 'temparek'.

Awang Haji Ismail ingin meluaskan perusahaan yang ada sekarang terutama sekali jika ada bekalan letrik supaya menjadi salah sa-buah perusahaan yang terbesar. Di-samping itu beliau juga melahirkan hasrat-nya untuk melateh membores perahu kepada beliau2 terutama sekali lepasan sekolah yang belum lagi mempunyai pekerjaan. Semoga ada di-kalangan beliau2 yang menaruh minat dalam lapangan ini.



Awang Haji Ismail kelihatan sedang membuat "lunas" ia-itu peringkat awal membores perahu.



Bagini-lah pemandangan dalam bengkel tempat Awang Haji Ismail membores perahu.



Awang Haji Ismail kelihatan sedang bekerja untuk menyiapkan sa-buah perahu yang di-tempah oleh pelanggan-nya.



200 orang chalun masok pereksa City and Guilds

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 200 orang chalun termasuk 35 orang dari Bandar Seri Begawan akan mengambil peperiksaan City and Guilds yang akan bermula pada 4hb. Disember hingga 31hb. Disember tahun ini.

Lima buah pusat peperiksaan telah disediakan untuk tujuan itu — dua di-Seria, dua di-Kuala Belait dan satu di-Bandar Seri Begawan.

Pusat di-BSP Trade School, Seria ia-lah untuk chalun2 dari sekolah itu, di-Maktab Anthony Abell untuk chalun2 persendirian di-Seria, Sekolah Inggeris Perdana Wazir untuk chalun2 persendirian di-Kuala Belait, Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kuala Belait untuk chalun2 di-sekolah tersebut dan di-Maktab SOAS chalun2 di-Bandar Seri Begawan.

Mata2 pelajaran yang akan di-pereksa ia-lah antara lain, kejuruteraan letrik, talikom dan teknikal talivishen.

Sementara itu peperiksaan Sijil Perdagangan Trengkas Melayu Institut Malaysia akan di-adakan tahun Nobember dan Disember tahun ini.

Peperiksaan tersebut ada-lah anjoran Perdagangan Trengkas Melayu Institut Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Tarikh peperiksaan ia-lah pada 30hb. Nobember bagi menaip, 1hb. Disember bagi Trengkas dan 2hb. Disember bagi Steno dan ilmu menyimpan buku kira2.

Beberapa buah pusat peperiksaan di-seluruh negeri telah disediakan bagi peperiksaan tersebut.

Peraduan bahas peringat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan bahas bagi sekolah2 menengah atas di-seluruh negeri akan di-adakan di-tempat2 dan pada tarikh2 yang berasingan dalam bulan Disember tahun ini.

Peraduan itu akan bermula pada 3hb. Disember dan peraduan akhir ia-lah pada 15hb. Disember di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan.

Tujuh buah sekolah akan mengambil bahagian dalam

bahagian lelaki dan perempuan.

Sekolah2 itu ia-lah Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, Maktab Anthony Abell Seria, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara, Sekolah Pertukangan Bangunan Jalan Muara, Maktab SOAS Bandar Seri Begawan, Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

Kerja2 menyembor selesai

KUALA BELAIT. — Rombongan penyembor dari Projek Penghapusan Malaria telah menamatkan kerja2 menyembor ubat DDT di-11 buah kampung di-Daerah Belait.

Kampung2 yang di-lawati itu ia-lah Laid Lakang, Kagu, Singap, Pok Babau, Bukit Kandor, Bukit Sawat, Sungai Ubar, Merangking Hilir, Merangking Ulu, Pengkalan Siong dan Bang Pukul.

Mereka telah memulakan tugas2 tersebut pada 15hb. September lepas. Kira2 376 litre ubat DDT telah di-gunakan untuk menyembor 99 buah rumah di-kampung2 tersebut.

Rombongan itu telah juga menyempurnakan kerja2 menyembor ubat DDT di-5 buah kampung di-Daerah Brunei/Muara bulan lepas.

Kampung2 itu ia-lah Batu Ampar, Wasan, Batang Perhantian. Limau Manis dan Kuala Lurah dan kira2 286 litre ubat DDT telah di-gunakan untuk menyembor 100 buah rumah di-kampung2 tersebut.

Gambar atas menunjukkan pemain2 pingpong Persatuan Pandai Besi 'A' dan Persatuan TIBA bergambar dengan piala2 kemenangan mereka, manakala gambar kanan menunjukkan Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awg. Jaya sedang menyampaikan piala kepada Awang Leong Wing Lee dari Persatuan Pandai Besi 'A' yang telah di-pilih sebagai pemain perseorangan terbaik.

Persatuan Pandai Besi 'A' dan Persatuan TIBA telah bertemu dalam perlawanan akhir pingpong yang di-anjurkan oleh Ikatan Persatuan Belia Bunut yang berlangsung di-Pusat Belia baru2 ini.



Kutipan derma untuk anak2 yatim

BANGAR, TEMBURONG. — Sa-buah jawatankuasa untuk mengutip dan membahagi2kan derma kepada anak2 yatim di-Daerah Temburong

telah di-tubuhkan dengan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Yunus bin Haji Hussain.

Setia Usaha Jawatankuasa itu ia-lah Pengiran Sharifudin bin Pengiran Momin, seorang pegawai di-Pejabat Daerah, Temburong.

13 skrip drama akan di-hakimkan

BERASKAS. — Persatuan PERANGKAP telah menerima 13 buah skrip drama untuk di-pertandingkan.

Sembilan buah daripada-nya jenis moden yang berthemakan Rancangan Kemajuan Negara yang baru dan 4 buah lagi jenis purba berthemakan Sejarah Kememerlangan Brunei.

Jawatankuasa penganjur itu sedang menapis semua skrip2 drama yang di-pertandingkan, dan skrip2 drama yang tidak sesuai tidak akan di-sertakan dalam peraduan dan akan di-kembalikan.

Skrup2 drama itu akan di-hakimkan awal bulan hadapan dan beberapa orang hakim telah pun di-lantik.

Drama2 yang terpilih dan terbaik akan di-jadikan buku untuk bacaan orang2 dewasa.

Borang2 kerana mengutip derma telah di-edarkan kepada penghulu2 dan ketua2 kampung dan borang2 tersebut ada-lah di-kehendaki di-kembalikan kepada Setia Usaha Jawatankuasa itu dengan seberapa segera yang boleh.

Sementara itu, pendaftaran bagi anak2 yatim di-Daerah Temburong yang berhak menerima derma tersebut sedang di-jalankan dan borang2 pendaftaran yang belum lagi di-kembalikan hendak-lah diserahkan kepada Setia Usaha Jawatankuasa itu dengan sa-cheput mungkin.

JUALAN LELONG

Dengan ini di-ma'almkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei pada hari Sabtu 13hb. Oktober, 1973 mulai pada jam 9.00 pagi.



Perlawanan bola sepak bagi pemain2 yang berumur 40 tahun ka-atas telah di-adakan di-Pekan Tutong baru2 ini. Dalam perlawanan itu Pasukan Penanjong telah mengalahkan pasukan Sengkarai.

Gambar atas menunjukkan kedua2 pasukan bergambar sa-telah perlawanan di-jalankan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sebanding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-335/EXAM BAR / 350x15-380-410x510/EB/540 x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb. Nobember, 1973.

Pembacha Meter di-J.K.R.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pembacha Meter di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya dan berumur tidak lebih dari 25 tahun.

Tugas2:

- Menchatet angka2 penggunaan ayer dari meter2 bekalan ayer.
- Memeriksa dan melaporkan meter2 yang rosak. Memperbaiki kerosakan2 kecil bagi meter2 yang bochor.

Sa-bagai Pegawai Imigresen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Chalun2 yang di-lantek mesti-lah berumur 18 tahun dan 25 tahun.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 dan sijil2 tidak lewat dari 30hb. Oktober, 1973.

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelayakan untuk di-lantek sa-bagai Guru Terlatih (Pensharah Lukisan dan Pertukangan Tangan) di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Diploma atau Sijil Lukisan dan Pertukangan daripada sa-sebuah Maktab atau Instituit Lukisan yang di-iktiraf dan boleh mengajar dalam aliran2 Inggeris dan Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang sa-lain daripada mempunyai kelulusan di atas juga mempunyai pengalaman menjadi pensharah di-sesebuah Maktab Perguruan.

Gaji:

Dalam salah satu daripada sukatan gaji yang berikut:-

- T.7 — \$470x20-510-540x20-660-690-710x30-890.
- T.8 — \$580x20-660-690-710x30-950-1000x30-1060.
- T.9 — \$740x30-950-1000x30-1120-1160x30-1280.

Sukatan gaji serta gaji permulaan yang akan di-beri bergantung

kapada kelayakan2 dan pengalaman pemohon yang berjaya itu.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara kontrak sa-lama tiga tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama enam bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-perjawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrak, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan enap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb. Nobember, 1973.

Jurutrengkas Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Jurutrengkas Melayu di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.
- Lulus Trengkas dan Menaip Peringkat Tertinggi dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 Trengkas dan Menaip sekurang2-nya 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menghantarkan Laporan2 Sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb. Oktober, 1973.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

Kerani Rendah di-Sharikat Minyak Shell

Permohonan2 ada-lah di-pelawa oleh SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD bagi pemuda2 dan pemudi2 raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, di-timbangan di-ambil bekerja dalam jawatan2 Kerani Rendah. Chalun2 hendak-lah tamat persekolahan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-bandingan dengan-nya dan fasch berchakap serta me-

nulis dalam bahasa Inggeris. Keutamaan di-berikan kepada mereka yang sudah berpengalaman dalam kerja kerani atau pentadbiran. Dan lagi kebolehan menaip, kelayakan dalam ilmu menyimpan kira2, trengkas atau ilmu perdagangan seumpama-nya akan lebih baik lagi.

Permohonan2 sa-chara bertulis memberikan butir2 diri, rekod pe-

Sa-bagai Ahli Bomba Pelateh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Ahli Bomba Pelateh di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 dan 28 tahun.
- Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".
- Pelajaran — sa-seorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan ini hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Sekolah Melayu atau darjah yang sa-banding di-sekolah Inggeris atau lain2 sekolah.

Kesihatan:

Pemohon2 ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan dan mereka mesti-lah mempunyai badan yang tegap.

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantek ada-lah di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Gaji:

Mulai dari \$200.00 sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat sa-lama 6 bulan dengan memuaskn chalun2 yang di-pileh akan di-naikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Peringkat Kedua dengan gaji sa-banyak \$230.00 sa-bulan dalam sukatan gaji \$230x5-265.

Tempat Kumpulan Pengambilan:

Pengambilan orang2 baru ini akan di-adakan di-Seria dan Bandar Seri Begawan, Brunei seperti yang berikut:-

- Pemohon2 daripada Kuala Belait dan Seria ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Pusat Bomba Seria (Seria Fire Post) pada masa hari bekerja ia-itu hari Khamis 18hb. Oktober, 1973 (satu hari sahaja).
- Pemohon2 daripada Bandar Seri Begawan, Muara, Tutong dan Temburong ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Bandar Seri Begawan di-masa hari bekerja sa-lama satu hari ia-itu Sabtu 20hb. Oktober, 1973.

Chalun2 hendak-lah membawa bersama2 mereka Sijil2 Beranak, Sijil2 Pelajaran dan Kad2 Pengenaln sa-masa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang di-kehendaki seperti di atas di-minta menghadhiri kumpulan pengambilan tersebut.

Ujian Bertulis:

Chalun2 yang lulus ujian2 permulaan akan di-uji lagi dengan ujian bertulis dan siapa2 yang gagal dalam ujian ini tidak akan di-sokong untuk jawatan tersebut.

ajaran dan keputusan peperiksaan hendak-lah di-alamatkan kepada:-

Jabatan Perancang Kakitangan (Pengambilan),
Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria,
Negeri Brunei.

— dan pada sarong surat hendak-lah di-tulis "SULIT — KAKITANGAN KERANI RENDAH".



GAMBAR atas: Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz sedang menyampaikan piala kepada B.4776 Rec. Ak. Ali bin Pengiran Pendahara Muda Haji Hashim yang telah di-pilih sebagai penembak terbaik semasa menjalani latihan.

Penyampaian hadiah itu telah adakan di-upacara perbarisan tamat latihan bagi pengambilan rekrut yang ke-29 yang telah berlangsung di-Perkhemahan Berakas baru2 ini.

Rekrut terbaik ialah B.4796 Rec. Ali bin Ahmad; penembak LMG terbaik, B.4812 Rec. In-shak bin Tamin dan rekrut B.4776 Yusof bin Salim di-pilih sebagai rekrut terbaik dalam latihan jasmani.

Belum ada tangkapan ka-atas orang2 yang tidak puasa

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Belum ada tangkapan dilakukan sa-takat ini terhadap orang Islam yang melanggar peratoran makan minum dikhalayak ramai waktu siang hari sepanjang bulan puasa ini.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Hal Ehwal Ugama menyatakan, walaupun Pegawai2 Merinyu Ugama berusaha menjalankan tugas mereka, tidak sa-orang pun orang2 Islam di-dapati melanggar peratoran tersebut sejak permulaan puasa.

Sementara itu, semua kedai2 kopi, makan dan restoran2 telah di-minta supaya memberikan kerjasama dengan tidak menjual barang2 makan dan minuman kepada orang2 Islam, waktu siang hari sepanjang bulan puasa.

Tuan2 punya kedai makan atau minum boleh di-denda jika mereka di-dapati bersalah melayani orang2 Islam makan di-kedai mereka di-waktu siang hari di-sepanjang bulan puasa ini.

Orang2 Islam yang melanggar peratoran itu dan jika ثابت kesalahan-nya boleh di-denda sa-banyak \$50.00 bagi kesalahan pertama, \$75.00 bagi kesalahan kedua dan \$100.00 bagi kesalahan ketiga.

PEMBAYARAN PERKHIDMATAN PENCHEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-jumlah \$129,875.00 untuk perkhidmatan kebajikan penchen seluruh negeri bagi bulan September yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Negara menunjukkan sa-banyak \$124,687.50 di-bayar bagi perkhidmatan penchen umur tua; \$4,425.00 di-bayar bagi

penchen orang2 buta serta tanggungan mereka dan sa-jumlah \$762.50 bayar bagi alon orang tanggungan penyakit kusta dan gila.

Daerah Brunei/Muara ada-lah merupakan daerah yang terbanyak menerima pembayaran bagi penchen umur tua dengan jumlah pembayaran \$69,437.50; berbanding dengan Daerah Belait \$23,775.00; Daerah Tutong \$25,075.00 dan Daerah Temburong \$6,400.00

Bagi Pembayaran penchen orang2 buta serta tanggungan mereka, Daerah Brunei/Muara juga

merupakan daerah yang paling banyak menerima pembayaran dengan jumlah \$2,962.50; berbanding dengan Daerah Belait sa-banyak \$537.50; Daerah Tutong sa-banyak \$700.00 dan Temburong sa-banyak \$225.00.

Sa-banyak \$500.00 di-bayar untuk alon orang tanggungan penyakit kusta dan gila di-Daerah Brunei/Muara; \$200.00 bagi Daerah Belait dan \$62.50 bagi Daerah Tutong. Tiada ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong dalam bahagian ini.

Peluang untuk memasuki Sekolah Pertukangan Kejuruteraan K.B.

SATU kursus "City and Guilds" yang akan bermula dalam bulan Januari, 1974 bertempat di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

Pemohon2 hendak-lah dari rayat Brunei dan mestilah telah lulus peperiksaan L.C.E. atau S.R.P. Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang telah mendapat kelulusan yang baik dalam peperiksaan2 ini, terutama-nya dalam mata2 pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris.

Chalu2 yang mempunyai sharat2 yang di-perlukan bagi memasuki kursus ini akan di-kehendaki hadir di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan untuk menguji kelayakan sa-belum pemilihan.

Kursus ini ada-lah untuk sa-penoh masa sa-lama 3 tahun dan

379 chalum pereksa HSC

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 379 orang chalum termasuk 179 chalu2 persendirian akan mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan bulan depan.

Peperiksaan itu yang di-kendalikan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Peperiksaan akan bermula dari 18hb. hingga 30hb. Nobember.

Peperiksaan itu akan diadakan di-Maktab SOAS Bandar Seri Begawan, Maktab Anthony Abell, Setia dan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Daripada bilangan tersebut, sa-ramai 110 chalum ada-lah dari Maktab SOAS, 33 dari Saint Michaels, Setia, 83 dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan 14 orang chalum yang lain-nya dari Sekolah Menengah Arab.

Sa-ramai 97 orang chalum dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Menengah Arab akan mengambil peperiksaan itu dalam aliran Melayu.

semua penuntut2 ada-lah di-jangka tinggal di-asrama sekolah.

Borang2 permohonan T1/E dan T3/E boleh di-dapati dari Penguat, Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Peti Surat 63, Kuala Belait. KEDUA2 borang apabila telah di-isi hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. Nobember, 1973.

Penguat2 dan Guru2 Besar sekolah2 ada-lah di-pinta untuk membuat pengumuman mengenai kursus ini.

Pembahagian menerusi Amil2

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Majlis Ugama Islam Negeri Brunei telah menguntokkan wang sa-banyak \$35,000.00 untuk di-bahagi2kan kepada Umat Islam terdiri dari fakir miskin yang berhak menerima di-seluruh negeri.

Sa-orang juruchakap Majlis Ugama Islam berkata, pembahagian wang itu akan di-sampaikan menerusi Amil2 yang di-lantek di-kampung2 masing2 dalam pertengahan bulan puasa ini.

Mereka yang berhak menerima wang tersebut hendak-lah mendaftarkan nama mereka mulai sekarang kepada Amil2 sa-belum pertengahan bulan puasa ini.

Sementara itu, bayaran zakat fitrah boleh-lah di-bayar kepada Amil2 mulai sekarang. Sementara itu Majlis Ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-takat ini telah menerima sa-banyak 59 orang yang berhak menerima zakat fitrah.

Sa-ramai 39 orang telah di-terima pendaftaran-nya semalam iaitu 9 orang dari kawasan Pulau Berbuat, 20 orang dari Kampong Kasat dan 10 orang dari Pekan Bangar Daerah Temburong sementara 20 orang lagi di-terima dari kawasan Sungai Liang hari Isnin.

(Dari muka 2)

Sementara itu jawatankuasa tersebut sa-takat ini telah menerima pendaftaran sa-ramai 230 orang anak2 yatim untuk di-berikan hadiah2 derma Hari Raya.

Wang sa-banyak \$1,150.00 telah pun di-sediakan untuk jumlah itu. Pendaftaran itu di-tutup pada hari Khamis 11hb. Oktober.

Zakat fitrah itu akan di-bahagikan mulai 18hb. Oktober ini bagi Daerah Temburong dan 20 Oktober bagi Daerah2 Brunei/Muara, Belait dan Tutong.

Sementara itu pada tahun lalu, sa-banyak \$30,000.00 telah di-bahagikan untuk sa-ramai 8,400 orang yang berhak menerima zakat fitrah.

Majalah Dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Majalah Dewasa keluaran yang ke-enam akan mula di-jual dalam bulan depan dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Majalah tersebut mengandungi renchana2 mengenai pelajaran, ugama, pertanian, kesihatan dan urusan rumah tangga.

Ia-nya di-terbitkan dua kali sa-tahun. Terbitan yang kelima telah di-chetak dalam bulan Mei tahun ini.

Meneruskan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN.

Sa-ramai enam orang penuntut ugama Brunei yang sedang menghabiskan chuti persekolahan-nya di-tanah ayer akan berlepas balek ka-Singapura pada 4hb. Nobember akan datang untuk meneruskan pelajaran mereka di-Sekolah Menengah Arab Al-Junid.

Mereka ia-lah Awang Ibrahim bin Dollah, Awang Rosli bin Metussin; Awang Matzin bin Haji Awang; Awang Mohamed Zaimi bin Talib; Awang Mohamed Lazim bin Metali dan Awang Zulkifli bin Haji Mohamed Salleh.